

ROPER TECHNOLOGIES, INC.

KOD ETIKA PERNIAGAAN DAN PIAWAIAN TINGKAH LAKU

KOD ETIKA PERNIAGAAN DAN PIAWAIAN TINGKAH LAKU ROPER

ISI KANDUNGAN

KOD ETIKA PERNIAGAAN DAN DASAR PEMATUHAN KAMI.....	1
TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN ANDA DALAM PENTADBIRAN KOD.....	1
GAMBARAN KESELURUHAN KOD ETIKA	2
LAPORAN PELANGGARAN ATAU KEBIMBANGAN.....	2
TIADA TINDAKAN BALAS	3
PENEPIAN KOD	3
TINDAKAN DISIPLIN	3
KERAHSIAAN.....	4
PEGAWAI PEMATUHAN.....	4
MAKLUMAT SULIT.....	4
PENCEGAHAN PERDAGANGAN ORANG DALAM DAN PEMBERIAN MAKLUMAT	6
HUBUNGAN DENGAN PELANGGAN, PEMBEKAL DAN PESAING	7
TANGGUNGJAWAB TERHADAP KAKITANGAN SYARIKAT.....	10
KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT	12
MELINDUNGI ASET KORPORAT	13
KETEPATAN REKOD KORPORAT DAN LAPORAN	14
TANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG RAMAI	16



ROPER TECHNOLOGIES, INC.
6901 Professional Parkway East, Suite 200
Sarasota, Florida 34240
941-556-2601

KOD ETIKA PERNIAGAAN DAN DASAR PEMATUHAN KAMI

Kod Etika Perniagaan dan Piawaian Tingkah Laku ("Kod") menerangkan piawaian untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang sah dan beretika yang telah diterima pakai oleh Roper Technologies, Inc ("Roper" atau "Syarikat"). Semua pekerja Roper, termasuk pegawai eksekutif utama, pegawai kewangan utama, pegawai perakaunan utama dan pegawai eksekutif yang lain ("Pegawai Eksekutif Korporat"), dan anak-anak syarikatnya ("Pekerja") bertanggungjawab untuk menjaga tingkah laku mereka dengan mematuhi Kod ini, dasar lain Syarikat, dan undang-undang, kaedah dan peraturan yang terpakai. Selain itu, semua ahli Lembaga Pengarah Roper ("Pengarah"), setakat yang berkaitan dengan tanggungjawab pengawasan mereka sebagai Pengarah Roper, bertanggungjawab untuk menjaga tingkah laku mereka dengan mematuhi peruntukan yang berkenaan dalam Kod ini, serta pematuhan dengan dasar lain Syarikat dan korporat dan undang-undang lain, kaedah dan peraturan yang terpakai untuk mereka. Sebarang tindakan atau tingkah laku yang melanggar Kod ini boleh dijadikan alasan untuk tindakan disiplin yang sewajarnya, serta mendedahkan Pekerja atau Pengarah tersebut kepada liabiliti sivil dan jenayah.

Kod ini bukan kontrak pekerjaan yang nyata atau tersirat dan tidak menimbulkan sebarang jenis hak kontrak antara Roper Technologies, Inc dan Pekerja atau Pengarahnya. Semua Pekerja harus memahami bahawa Kod ini tidak mengubah hubungan dalam pekerjaan mereka, sama ada oleh kehendak atau dikawal oleh kontrak.

Roper Technologies, Inc berhak untuk meminda, mengubah atau menamatkan Kod ini pada bila-bila masa dan untuk apa-apa sebab.

TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN ANDA DALAM PENTADBIRAN KOD

Semua Pekerja dan Pengarah Roper dikehendaki mematuhi apa yang tersurat dan tersirat dalam Kod ini. Ini bermakna mematuhi keperluan undang-undang yang terpakai di mana sahaja anda berada di seluruh dunia. Selain itu, kami menggalakkan Pekerja dan Pengarah untuk mengamalkan tingkah laku beretika pada setiap masa dan untuk membincangkan soalan atau kebimbangan dengan kakitangan Syarikat yang berkenaan apabila mereka berada dalam keraguan mengenai tindakan yang terbaik. Pekerja akan menerima, dan akan mengakui penerimaan bertulis, salinan Kod ini semasa mereka mula-mula menyertai Syarikat dan **setiap tahun** akan mengakui secara bertulis komitmen mereka yang berterusan kepada Kod ini. Pengarah akan menerima, dan akan mengakui penerimaan bertulis, salinan Kod ini semasa mereka mula-mula menyertai Syarikat dan **setiap tahun** akan mengakui secara bertulis komitmen mereka yang berterusan kepada Kod ini. Pengemaskinian Kod akan diagihkan kepada Pekerja dan Pengarah, seperti yang diperlukan, untuk mencerminkan pindaan atau perubahan.

GAMBARAN KESELURUHAN KOD ETIKA

Roper berdedikasi untuk membuat dan menjual hanya produk yang selamat, berkualiti tinggi, dan mematuhi keperluan undang-undang yang terpakai, dan selanjutnya, untuk menjalankan operasi di seluruh dunia mengikut piawaian contoh bagi integriti perniagaan. Semua Pekerja, dan pengarah Roper dikehendaki menjalankan perniagaan Roper menurut piawaian tinggi kejujuran dan integriti, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Tingkah laku yang jujur dan beretika, termasuk mengelakkan dan mengendalikan secara beretika konflik kepentingan yang sebenar atau ketara di antara hubungan peribadi dan profesional dan antara kepentingan peribadi dan kepentingan perniagaan Roper;
- Pendedahan yang lengkap, adil, tepat, tepat pada masanya dan boleh difahami dalam laporan berkala yang dikehendaki difailkan oleh Roper dan dalam komunikasi lain yang dibuat oleh Roper;
- Pematuhan undang-undang kerajaan, kaedah dan peraturan yang terpakai, termasuk yang dibincangkan dalam Kod, seperti yang berkaitan dengan perdagangan orang dalam sekuriti, keselamatan produk, dan urusan dengan pesaing dan pekerja lain; dan
- Pelaporan dalaman segera tentang pelanggaran Kod ini.

Kod ini juga mengandungi garis panduan yang bertujuan untuk membantu Pekerja dan Pengarah dalam bertindak dan membuat keputusan bagi pihak Roper selaras dengan piawaian ini dan mengelakkan konflik kepentingan. Walaubagaimanapun, tiada garis panduan yang boleh merangkumi kesemuanya, dan tanggungjawab untuk tingkah laku yang betul terletak pada Pekerja dan Pengarah. Tidak ada pengganti untuk integriti peribadi dan pertimbangan yang baik. Jika anda berhadapan dengan keadaan untuk membuat keputusan yang sukar, anda perlu mengambil kira sama ada anda akan berasa selesa jika keputusan anda menjadi pengetahuan awam. Jika anda percaya keputusan tersebut mungkin kelihatan tidak wajar daripada sudut undang-undang atau etika, ragu-ragu tentang tindakan terbaik dalam situasi tertentu, atau selainnya mempunyai soalan tentang kepenggunaan Kod, anda digalakkan untuk membincangkan perkara ini dengan penyelia anda atau Pegawai Pematuhan. Pegawai Eksekutif Korporat dan Pengarah juga harus membincangkan perkara tersebut dengan Pegawai Pematuhan.

LAPORAN PELANGGARAN ATAU KEBIMBANGAN

Jika anda menyedari atau mengesyaki tingkah laku yang tidak sesuai, tidak beretika atau menyalahi undang-undang atau kelakuan yang melanggar atau tidak selaras dengan Kod ini anda perlu melaporkan atau membuat ia dilaporkan atas sebarang tingkah laku atau kelakuan tersebut kepada penyelia anda atau Pegawai Pematuhan. Pegawai Eksekutif Korporat dan Pengarah perlu melaporkan sebarang pelanggaran Kod yang disyaki kepada Pegawai Pematuhan.

Jika anda tidak selesa dengan proses ini atas sebarang sebab, anda boleh menghubungi Talian Etika dan Pematuhan Roper Technologies, +1 (888) 227-3565 (Bebas Tol) pada bila-bila masa, e-mel soalan atau kebimbangan anda kepada Pegawai Pematuhan atau Pegawai Eksekutif Korporat lain yang berkenaan atau menghantar penerangan bertulis mengenai soalan atau kebimbangan anda kepada Pegawai Pematuhan atau Pegawai Eksekutif Korporat lain yang berkenaan. Soalan atau kebimbangan anda akan kekal sulit atau tanpa nama. Anda tidak perlu memasukkan sebarang maklumat pengenalan apabila membuat laporan kepada Talian Etika dan Pematuhan Roper Technologies.

Sebarang kebimbangan berkenaan perakaunan, kawalan perakaunan dalaman dan hal-hal audit boleh dimaklumkan dengan cara yang sama seperti kebimbangan lain, seperti yang diterangkan di atas. Kebimbangan ini akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Roper dan ditangani menurut prosedur Jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

TIADA TINDAKAN BALAS

Roper tidak akan bertindak balas atau bertolak ansur dengan sebarang gangguan atau tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan dengan niat yang baik akan pelanggaran Kod atau undang-undang, peraturan atau dasar atau prosedur Syarikat yang disyaki, termasuk Kod tersebut. Ini bermakna Roper tidak akan menamatkan, menurunkan pangkat, memindahkan kepada tugas yang kurang wajar atau selainnya mendiskriminasi Pekerja kerana meminta perhatian terhadap tindakan yang disyaki menyalahi undang-undang, tidak beretika atau melanggar Kod atau menyediakan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan. Walau bagaimanapun, Roper berhak untuk mendisiplinkan sesiapa yang sengaja membuat tuduhan palsu, memberikan maklumat palsu kepada Syarikat atau melanggar Kod, undang-undang atau dasar atau prosedur lain Syarikat, atau selainnya bertindak secara tidak wajar.

PENEPIAN KOD

Penepian Kod bagi pegawai eksekutif korporat atau Pengarah hanya boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah dan akan didedahkan dengan segera seperti yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa ("SEC"), bursa saham, atau kaedah atau peraturan lain yang terpakai. Pegawai Pematuhan mesti membuat sebarang penepian untuk pekerja lain secara bertulis. Permintaan untuk penepian tersebut hendaklah diarahkan secara bertulis kepada Ketua Pegawai Pematuhan.

TINDAKAN DISIPLIN

Roper akan mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya terhadap mana-mana Pekerja atau Pengarah di mana tindakannya didapati melanggar Kod atau dasar atau prosedur Syarikat. Tindakan disiplin, yang boleh termasuk penamatan segera pekerjaan, akan mengikut budi bicara tunggal Roper. Pengarah boleh diminta atau dikehendaki meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah di bawah keadaan yang sewajarnya. Di samping itu, pelanggaran undang-undang dan keperluan peraturan boleh membawa hukuman individu sivil dan jenayah yang tersendiri, termasuk denda dan dipenjarakan. Di mana Roper telah mengalami kerugian, ia boleh meneruskan remedi terhadap individu atau entiti yang bertanggungjawab. Di mana undang-undang telah dilanggar, Roper akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Berikut adalah contoh tingkah laku yang boleh mengakibatkan tindakan disiplin:

- Tindakan yang melanggar mana-mana bahagian di dalam Kod atau mana-mana dasar lain Syarikat.
- Meminta orang lain untuk melanggar Kod ini atau mana-mana dasar lain Syarikat.
- Kegagalan untuk melaporkan dengan segera, atau mengambil tindakan untuk mengaburi atau menutup, pelanggaran yang diketahui atau disyaki terhadap Kod ini atau mana-mana dasar lain Syarikat, atau dengan sengaja memberikan maklumat palsu mengenai pelanggaran atau pelanggaran yang berkemungkinan.
- Tindakan balas terhadap Pekerja lain atau Pengarah kerana melaporkan pelanggaran yang disyaki dalam Kod ini atau mana-mana dasar lain Syarikat.
- Melanggar mana-mana undang-undang terpakai atau selainnya mendedahkan anda atau Roper kepada hukuman jenayah (denda atau hukuman penjara) atau sekatan sivil (anugerah kerosakan atau denda).

KERAHSIAAN

Sebarang laporan mengenai kebimbangan yang dipertimbangkan oleh Kod akan dirahsiakan setakat yang dapat dilaksanakan atau dibenarkan oleh undang-undang terpakai. Walau bagaimanapun, anda harus menyedari bahawa terdapat keadaan tertentu yang memerlukan pendedahan maklumat sulit untuk mencapai penyelesaian. Dasar Roper mengenai maklumat sulit dinyatakan dalam Kenyataan Piawai Tingkah Laku - I.

PEGAWAI PEMATUHAN

Penasihat Undang-Undang Roper adalah Pegawai Pematuhan Roper. Pegawai Pematuhan bertanggungjawab untuk mentadbir pelaksanaan dan penyempurnaan Kod, termasuk:

- menyelia pelaksanaan Kod dan dasar, amalan serta prosedur yang berkaitan;
- menyelia pentadbiran dan pematuhan Kod, termasuk penguatkuasaan dan memastikan langkah disiplin yang sewajarnya digunakan secara konsisten, seperti yang diperlukan;
- menjalankan atau menyelia siasatan pelanggaran Kod yang dilaporkan;
- menyelaraskan tindak balas yang sesuai untuk salah laku dan mengambil tindakan untuk mencegah berulangnya sebarang salah laku;
- menyelaraskan sebarang program latihan yang perlu mengenai topik yang diliputi oleh Kod dan
- menjawab soalan dan memberi bimbingan kepada Pekerja dan Pengarah mengenai Kod.

Anda boleh menghubungi Pegawai Pematuhan secara peribadi, melalui telefon di (941) 556-2606, atau melalui e-mel di dliner@ropertech.com.

KENYATAAN PIAWAIAN TINGKAH LAKU - I MAKLUMAT SULIT

Syarikat harus mengimbangi kepentingan dalam mengekalkan kerahsiaan maklumat tentang perniagaan dengan tanggungjawabnya untuk membuat pendedahan awam yang tepat pada masanya, lengkap dan betul. Oleh itu, Roper memerlukan Pekerja dan Pengarah yang berurusan dengan atau menyedari maklumat sulit perlu mematuhi garis panduan dan prosedur berikut:

Maklumat Akan Dilindungi

Maklumat sulit termasuk semua maklumat Syarikat, atau lain-lain maklumat yang telah diamanahkan kepada Syarikat, secara amnya tidak diketahui oleh orang ramai mengenai Roper atau perniagaan yang mungkin berguna kepada pesaing, atau berbahaya kepada Syarikat atau pelanggan atau rakan kongsi perniagaan, jika didedahkan. Anda mesti mengekalkan kerahsiaan semua maklumat sulit yang diamanahkan kepada anda oleh Syarikat, "Syarikat yang Dilantik" (seperti yang ditakrifkan di bawah), atau pelanggan mereka, kecuali apabila pendedahan dibenarkan atau diberi mandat yang sah. Apabila dalam keraguan, sifatkan maklumat tersebut sebagai sulit. Anda harus berwaspada terutamanya untuk mengekalkan kerahsiaan sebarang maklumat bukan awam yang "penting".

Secara amnya, maklumat adalah "penting" jika:

- pelabur yang baik yang menganggapnya penting dalam membuat keputusan sama ada untuk membeli atau menjual sekuriti Syarikat; atau
- pelabur yang baik akan melihat maklumat sebagai banyak mengubah "kepelbagaian" maklumat yang ada mengenai sekuriti Syarikat.

Beberapa contoh maklumat, tanpa mengira bahantara di mana ia diketahui (cth., rancangan perniagaan atau dokumen lain, perbualan, pengetahuan tentang siaran akhbar yang akan berlaku tidak lama lagi, dll), yang harus dianggap "penting" adalah:

- maklumat kewangan tentang keadaan kewangan Syarikat atau hasil operasinya, termasuk pendapatannya, termasuk perubahan dalam maklumat kewangan yang didedahkan terdahulu
- ramalan kewangan, terutama anggaran pendapatan
- rancangan untuk pengisytiharan pecahan saham atau dividen atau peningkatan atau penurunan dalam dividen
- penggabungan, pengambilalihan, penawaran tender atau penyahlaburan atau pembelian atau penjualan aset yang besar
- perubahan penting dalam operasi atau produk baharu yang penting yang akan diperkenalkan
- cadangan terbitan baharu sekuriti atau pinjaman luar biasa atau bayaran hutang
- perkembangan tindakan undang-undang yang penting
- siasatan kerajaan, tindakan jenayah, atau dakwaan, apa-apa kesan sampingan, termasuk potensi pemecatan daripada kontrak kerajaan, dan apa-apa tindakan lain kerajaan yang penting

Label atau cop sering digunakan untuk menunjukkan bahawa dokumen dan bahan bertulis mengandungi maklumat sulit yang perlu dipatuhi. Walau bagaimanapun, sama ada maklumat adalah, sebenarnya, penting dan sulit tidak ditentukan oleh sama ada ia dilabelkan ataupun tidak. Ketiadaan sebarang label atau cop sulit tidak seharusnya diambil sebagai menunjukkan maklumat tidak perlu dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang keraguan sama ada maklumat tertentu adalah "penting", keraguan tersebut perlu diselesaikan **sebelum** menentukan ia adalah penting.

"Syarikat yang Dilantik" adalah syarikat-syarikat yang mana Syarikat mempunyai urusan niaga, termasuk:

- syarikat-syarikat yang mana Syarikat mempunyai urusan kontrak semasa, termasuk pelanggan; pembekal barangan dan perkhidmatan; dan pemilik dan pemberi lesen,

- syarikat-syarikat yang mana Syarikat sedang mempertimbangkan untuk memasuki , mengubah secara ketara, atau menamatkan kontrak penting atau hubungan perniagaan,
- syarikat-syarikat yang mana Syarikat sedang berunding untuk usaha sama, bidaan bersama, dll, dan
- sekuriti, aset atau perniagaan syarikat-syarikat di mana Syarikat sedang mempertimbangkan untuk memperolehi atau menjual.

Akses Terhadap

Akses kepada maklumat penting bukan awam hendaklah dihadkan kepada kakitangan Syarikat hanya berdasarkan "perlu tahu" sahaja. Ini bermakna bahawa setiap langkah yang munasabah hendaklah diambil untuk mengehadkan kedua-dua bilangan kakitangan Syarikat mengetahui maklumat dan penyalinan serta pengedaran bahan bertulis yang mengandungi maklumat. Walaupun sekatan ke atas maklumat pengurusan tertentu mungkin tertakluk kepada prosedur tertentu, secara amnya anda hendaklah menggunakan pertimbangan terbaik anda untuk mengambil langkah-langkah tertentu yang perlu bagi menyekat akses kepadanya dan selainnya melindungi kerahsiaan maklumat bukan awam, dan sekiranya terdapat sebarang keraguan dalam hal ini, rujuk segera dengan penyelia anda atau Pegawai Pematuhan.

Pendedahan Maklumat Bukan Awam

Secara amnya, pendedahan am maklumat bukan awam yang menjadi subjek kenyataan dasar ini adalah tanggungjawab pihak pengurusan Syarikat. Oleh itu, anda mesti pada setiap masa mengekalkan kerahsiaan maklumat tersebut di dalam dan di luar syarikat tidak kira sama ada pendedahan awam telah atau dipercayai berlaku. Semua pertanyaan luar tentang perkara yang merupakan subjek maklumat sulit hendaklah dirujuk kepada pengurusan Syarikat yang berkenaan dan tiada pendedahan maklumat tersebut (selain daripada yang berdasarkan "perlu tahu" sahaja yang diperuntukkan di atas) boleh dibuat tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Penasihat Undang-Undang Syarikat atau pihak pengurusan yang berkenaan.

KENYATAAN PIAWAIAN TINGKAH LAKU - II PENCEGAHAN PERDAGANGAN ORANG DALAM DAN PEMBERIAN MAKLUMAT

Pembelian atau penjualan sekuriti semasa mengetahui tentang maklumat bukan awam yang penting (yang dipanggil "perdagangan orang dalam"), atau pendedahan maklumat kepada orang lain yang berdagang atas dasar maklumat tersebut (yang dikenali sebagai "tip"), adalah dilarang oleh undang-undang sekuriti persekutuan. Pelanggaran undang-undang ini oleh Pekerja atau Pengarah Syarikat boleh mendedahkan Syarikat dan individu yang terlibat dalam aktiviti tersebut kepada liabiliti sivil dan jenayah yang serius, termasuk ganti rugi tiga kali ganda, denda sehingga \$5 juta dan penjara sehingga 20 tahun. Sehubungan itu, tiada Pekerja atau Pengarah Roper boleh melibatkan diri dalam urusan niaga dalam mana-mana sekuriti*, sama ada di dalam Syarikat atau mana-mana syarikat awam yang lain, semasa memiliki maklumat bukan awam yang penting mengenai syarikat tersebut atau sekuriti tersebut. Mana-mana Kakitangan atau Pengarah juga tidak boleh pada bila-bila masa menyampaikan maklumat bukan umum yang penting kepada mana-mana orang yang mungkin menggunakan maklumat tersebut untuk membeli atau menjual sekuriti.

*Bagi tujuan Kenyataan Dasar ini, "sekuriti" termasuk opsyen atau instrumen derivatif berkaitan dengan sekuriti tersebut dan sekuriti lain yang boleh serta-merta diganti atau ditukar ke dalam sekuriti tersebut.

Persoalan sama ada maklumat adalah "penting" tidak selalunya mudah diselesaikan dan dibincangkan dalam Kenyataan Piawaian Tingkah Laku - I. Oleh kerana penentuan kepentingannya sering dicabar dengan memberi kelebihan di sebaliknya, jika anda mempunyai sebarang keraguan sama ada maklumat tertentu adalah "penting", keraguan itu perlu diselesaikan dengan memihak kepada tidak memperdagangkan atau berkomunikasi mengenai maklumat tersebut.

Maklumat adalah "bukan awam" sehingga ia telah disediakan kepada pelabur secara am. Dalam hal ini, anda akan dapat memastikan beberapa fakta atau peristiwa untuk menunjukkan bahawa maklumat itu adalah awam, seperti kemasukan dalam laporan yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa atau siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Syarikat, atau rujukan kepada maklumat dalam penerbitan dalam edaran am, seperti The Wall Street Journal atau New York Times. Secara amnya, maklumat boleh dianggap sebagai awam pada hari ketiga bekerja selepas maklumat tersebut dikeluarkan secara rasmi.

Oleh itu, dalam pengendalian maklumat yang diperoleh sebagai hasil daripada perkhidmatan kepada Syarikat, anda perlu:

- Tidak mendedahkan maklumat penting, bukan awam atau maklumat sulit lain kepada sesiapa, di dalam atau di luar Syarikat (termasuk ahli keluarga) kecuali berdasarkan keperluan perlu-tahu yang ketat dan di bawah keadaan yang menjadikan ia munasabah untuk dipercayai bahawa maklumat itu tidak akan disalahgunakan atau tidak sewajarnya didedahkan oleh penerima;
- Mengelak daripada mengesyorkan atau mencadangkan mana-mana orang yang terlibat dalam urusan niaga sekuriti, sama ada di dalam Syarikat atau mana-mana syarikat lain, semasa memiliki maklumat penting, maklumat bukan awam tentang sekuriti dan
- Mengelak daripada terlibat dalam sebarang urusan niaga sekuriti, sama ada di dalam Syarikat atau mana-mana syarikat lain, semasa memiliki maklumat penting, bukan awam mengenai perniagaan atau operasinya.

Sebarang keraguan sama ada situasi tertentu memerlukan kami mengelak daripada membuat keputusan pelaburan atau berkongsi maklumat dengan orang lain perlu diselesaikan **bertentangan dengan** mengambil tindakan tersebut.

Di samping itu, mengikut kesesuaian, langkah-langkah atau prosedur yang terpakai bagi orang yang mungkin secara rutin memiliki maklumat penting, bukan awam dan/atau sulit boleh dibangunkan dan dilaksanakan untuk memastikan pematuhan penuh dengan Kenyataan Piawaian Tingkah Laku ini.

KENYATAAN PIAWAIAN TINGKAH LAKU - III HUBUNGAN DENGAN PELANGGAN, PEMBEKAL DAN PESAING

Kejayaan kami bergantung kepada hubungan baik yang dibina dengan pelanggan dan pembekal kami. Memupuk suasana kepercayaan dan menjual produk kami atas dasar merit adalah asas kepada matlamat ini. Untuk itu, kami menghendaki kakitangan Roper mematuhi garis panduan piawaian tingkah laku berikut.

Cara Urusan yang Adil

Pekerja dan Pengarah mesti berusaha untuk berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal dan pesaing Syarikat. Anda tidak harus mengambil kesempatan terhadap sesiapa melalui manipulasi, penyembunyian maklumat, penyalahgunaan maklumat istimewa, salah nyata fakta penting atau sebarang amalan lain yang tidak adil.

Persaingan Tidak Adil - Antitrust

Pekerja Roper perlu mematuhi sepenuhnya undang-undang antitrust Amerika Syarikat dan undang-undang persaingan di setiap negara di mana Roper atau sekutunya menjalankan perniagaan. Secara amnya, di mana undang-undang AS yang berkenaan dengan persaingan berbeza daripada undang-undang tempatan dan terdapat ketidakpastian undang-undang yang mana terpakai, piawaian yang lebih ketat adalah terpakai.

Piawaian tingkah laku ini menghendaki pengelakan daripada sebarang kelakuan yang melanggar, atau mungkin kelihatan melanggar, kedua-dua yang tersurat dan tersirat undang-undang antitrust yang berkenaan yang melarang persefahaman atau perjanjian antara pesaing mengenai harga, terma jualan, keuntungan, pembahagian atau peruntukan pelanggan, pasaran atau kawasan, urusan kredit, kaedah pengedaran, atau sebarang aktiviti lain yang menghalang persaingan. Oleh itu, anda tidak harus terlibat atau berbincang dengan pesaing atau rakan kongsi perniagaan lain apa-apa aktiviti yang dilarang yang mungkin ditafsirkan sebagai satu usaha untuk menyekat atau menghadkan persaingan secara tidak wajar.

Walaupun maklumat mengenai strategi pesaing dan keadaan pasaran yang kami perolehi daripada pelanggan atau dari sumber lain adalah kedua-duanya sah dan wajar, anda tidak harus meminta pelanggan untuk berkhidmat sebagai saluran bagi membolehkan kami berkomunikasi dengan pesaing kami. Selanjutnya, tiada Pekerja Roper yang harus mendapatkan, menerima, mendedahkan, menggunakan atau mencadangkan bahawa Pekerja atau Roper memiliki rahsia perdagangan syarikat lain di bawah keadaan yang tidak wajar atau boleh dipersoalkan. Rahsia perdagangan termasuk apa-apa maklumat, dokumen atau bahan yang kandungannya tidak diketahui umum atau tidak dapat dipastikan, belum didedahkan secara umum oleh pemilik dan mungkin dilindungi oleh pemilik. Selain itu, anda tidak harus berusaha, secara langsung atau tidak langsung menyekat kebebasan mana-mana pelanggan untuk menetapkan harga mereka sendiri bagi jualan semula mana-mana produk Roper.

Selanjutnya, sebarang hubungan yang tidak perlu dengan pesaing Syarikat harus dielakkan. Secara amnya, hubungan dan komunikasi dengan pesaing hanya terhad kepada yang tidak disengajakan dan tidak dapat dielakkan, seperti dalam pameran perdagangan dan seminar tertentu di luar, dan anda perlu mendapatkan pelepasan yang sewajarnya sebelum melibatkan diri dalam hubungan atau komunikasi lanjut.

Pemasaran: Memperkecil-kecilkan Pesaing

Pengiklanan dan pemasaran Syarikat mesti mematuhi semua undang-undang kerajaan, kaedah dan peraturan yang terpakai yang melarang amalan perdagangan tidak adil dan menipu, begitu juga dengan mana-mana dasar pengiklanan dan promosi jualan Syarikat. Pekerja yang bertanggungjawab untuk pengiklanan dan pemasaran Syarikat hendaklah memastikan bahawa iklan tersebut adalah benar, tidak menipu, dan mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan dan dasar yang terpakai. Sebarang dakwaan mengenai prestasi, kualiti, dll, perlu disahkan sebelum dilakukan.

Adalah menjadi dasar Roper untuk memberi penekanan kepada kualiti produk atau perkhidmatannya dan Pekerja Syarikat harus mengelak daripada membuat komen yang tidak berasas memperkecil-kecilkan pesaing atau produk atau perkhidmatan mereka. Kenyataan (lisan atau bertulis) yang dibuat mengenai pesaing atau produk mestilah adil, berdasarkan fakta dan lengkap. Pekerja dikehendaki mematuhi peraturan berikut apabila berkomunikasi tentang pesaing atau produk atau perkhidmatan:

- Elakkan daripada membuat komen tentang watak atau amalan perniagaan pesaing (*cth.*, memberitahu pelanggan bahawa wakil jualan pesaing adalah tidak bermoral atau tidak boleh dipercayai).
- Penekanan utama haruslah mengenai keupayaan Roper, pengetahuan dan manfaat produk dan perkhidmatan kepada pelanggan, bukan mengenai kekurangan pesaing.

- Elakkan daripada merujuk kepada masalah pesaing yang bukan berkaitan dengan produk atau kelemahannya (cth., masalah kewangan, tindakan undang-undang yang belum selesai, penyiasatan kerajaan).
- Kenyataan mengenai spesifikasi, kualiti, utiliti atau nilai barangan atau perkhidmatan pesaing tidak boleh dibuat melainkan jika ia disokong oleh maklumat semasa pesaing yang diterbitkan atau data fakta lain yang berkenaan dengan produk semasa pesaing. Di sesetengah negara, kenyataan tersebut mungkin diperlukan untuk mengaitkan aspek positif produk atau perkhidmatan yang kompetitif.
- Dakwaan yang tidak berasas bahawa Roper yang memulakan sesuatu produk atau perkhidmatan atau salah satu daripada cirinya tidak patut dibuat.

Menawarkan Hadiah, Hiburan Kepada Pelanggan

Mencuba untuk mempengaruhi keputusan pembelian pelanggan atas dasar hadiah, tawaran hiburan, pelancongan, diskaun atau ganjaran istimewa adalah tidak wajar, tidak boleh diterima dan dalam keadaan tertentu, menyalahi undang-undang, dan dilarang. Oleh itu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah, Pekerja tidak harus menawarkan wang, hadiah atau barang-barang lain yang bernilai kepada pelanggan atau bakal pelanggan yang boleh ditafsirkan sebagai satu percubaan untuk, secara tidak wajar mempengaruhi hubungan mereka dengan kepentingan perniagaan Syarikat.

Dalam keadaan di mana tradisi tempatan untuk memberi hadiah pada acara khas, dan selagi selaras dengan program dan dasar pematuhan terperinci Syarikat, hadiah kecil yang bernilai nominal boleh diberikan, dengan syarat semua kos hadiah tersebut didokumenkan sepenuhnya. Contoh hadiah yang dianggap boleh diterima termasuk apa-apa barangan pengiklanan khusus yang diedarkan secara meluas seperti pakaian dan aksesori komputer meja yang mengandungi monogram Syarikat, tiket untuk acara sukan atau kebudayaan tempatan, makan di restoran dan token ihsan lain dengan nilai pasaran nominal. Pemberian sebarang hadiah atau hiburan yang tidak memenuhi garis panduan umum ini memerlukan kelulusan terlebih dahulu daripada penyelia Syarikat yang berkenaan atau Pegawai Pematuhan.

Menerima Hadiah Daripada Penjual Dan Pembekal

Hadiah perniagaan yang bernilai besar yang ditawarkan kepada Pekerja Syarikat mungkin bertujuan untuk, secara tidak wajar mempengaruhi pemilihan penjual atau pembekal. Oleh itu, piawaian Syarikat yang mengawal penerimaan hadiah daripada penjual atau syarikat pembekal atau ejen mereka menyamai perkara yang berkaitan dengan pemberian hadiah kepada pelanggan dan bakal pelanggan kami.

Keputusan mengenai penerimaan hadiah atau hiburan daripada penjual atau pembekal perlu dikawal oleh adat tempatan, budi bicara dan pertimbangan yang baik. Sebagai peraturan am, hadiah perniagaan boleh diterima dengan syarat ia mempunyai nilai nominal dan tidak termasuk wang tunai atau sekuriti kewangan. Dalam kes makanan, hiburan, penginapan atau tawaran pelancongan, keputusan untuk menerima hendaklah berpandukan prinsip timbal balik, iaitu sama ada individu yang menerima tawaran tersebut adalah dalam kedudukan untuk membalas dengan cara yang sama menggunakan prosedur akaun perbelanjaan biasa Roper.

Faktor lain yang perlu dipertimbangkan apabila membuat keputusan sama ada menerima hadiah perniagaan adalah:

- jangkaan bahawa, kecuali untuk acara tahunan yang tertentu, kakitangannya akan membalas dengan barangan sebelum menerima tawaran hiburan tambahan daripada pembekal yang sama;
- sama ada jenis hadiah atau jemputan adalah wajar dalam hubungan perniagaan;
- sama ada kekerapan sekutu Roper menerima tawaran hiburan adalah keterlaluan; dan
- sama ada kelulusan daripada penyelia individu telah diperolehi terlebih dahulu.

Secara amnya, menerima hadiah yang tidak diminta bernilai lebih daripada \$100.00 tidak boleh diterima melainkan jika diluluskan oleh penyelia anda atau Pegawai Pematuhan. Anda dilarang meminta sebarang jenis hadiah, hiburan atau ganjaran daripada mana-mana pembekal, pelanggan atau pesaing Syarikat.

Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu hadiah tertentu dibenarkan di bawah dasar ini, rujuk kepada penyelia anda atau Pegawai Pematuhan.

Keselamatan Produk

